

## Perjalanan MiTech Untuk Mencapai Sekurang-kurangnya 30% Wanita Dalam Lembaga Pengarah

### SOROTAN UTAMA

- Tidak banyak PLC yang mengulas panjang tentang kepelbagaian jantina dalam organisasi mereka. Namun, berlainan pula dengan Mi Technovation (MiTech).
- Dalam AGM baru-baru ini, syarikat memberikan jawapan terperinci kepada soalan kami tentang kepelbagaian jantina di peringkat lembaga pengarah.
- Perwakilan wanita MiTech di peringkat lembaga berada pada tahap 25%. Namun begitu, syarikat telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam lembaga pengarahnya.

---


Kempen untuk meningkatkan bilangan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah sudah lama dianjurkan, yang mana kerajaan Malaysia telah memperjuangkan usaha ini sejak 2017. Persoalannya sekarang adalah sama ada kempen ini tetap diteruskan dan kekal relevan pada hari ini.

Hakikatnya, kempen ini kekal relevan dalam pasaran global masa kini. Banyak negara dan organisasi masih mempertimbang dan mendorong kepelbagaian jantina dalam lembaga pengarah. Lembaga yang menerapkan kepelbagaian membawa perspektif yang berbeza-beza, yang membawa kepada pembuatan keputusan yang lebih berkesan sekaligus mempertingkatkan prestasi syarikat serta amalan tadbir urus korporat yang lebih baik. Gabungan jantina amat penting dalam sesebuah organisasi kerana mereka mewakili demografi tenaga kerja dan masyarakat yang lebih luas.

Dalam konteks Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC Malaysia) dan Bursa Malaysia baru-baru ini mensyaratkan sekurang-kurangnya seorang wanita dalam setiap lembaga menerusi Syarat-syarat Penyenaraian. Selain itu, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG) telah melanjutkan sasaran mereka untuk mencapai 30% wanita dalam lembaga pengarah kepada semua syarikat, yang mana sebelum ini ia hanya terpakai kepada syarikat besar. Langkah ini menekankan komitmen negara untuk memupuk kepelbagaian jantina pada tahap tertinggi dalam tadbir urus korporat.

Bagaimanapun, statistik terkini SC Malaysia mendedahkan bahawa kemajuan dalam bidang kepelbagaian ini masih memerlukan penambahbaikan. Walaupun 100 Syarikat Awam Tersenarai (public listed companies, PLC) teratas telah mencapai 31.4% wanita dalam lembaga pengarah, peratus keseluruhan merentas semua PLC kekal pada 26%. Lapan PLC masih mempunyai lembaga pengarah semua lelaki di peringkat syarikat, manakala hanya 346 berjaya mencapai sasaran 30% wanita dalam lembaga pengarah.

### Bilangan wanita dalam lembaga pengarah syarikat awam tersenarai di Bursa Malaysia (dalam peratus)



### Pecahan penyertaan wanita dalam lembaga pengarah (women on the board, WOB)

	All-male boards		Only 1 woman director		≥ 30% WOB		≥ 50% WOB	
	All PLCs	TOP 100 PLCs	All PLCs	TOP 100 PLCs	All PLCs	TOP 100 PLCs	All PLCs	TOP 100 PLCs
1 Apr 2024	7	1	424	13	346	62	53	11
1 Jan 2024	6	0	441	15	324	57	55	11
1 Oct 2023	8	0	448	17	308	58	49	9
1 Jul 2023	22	1	451	18	295	58	42	6
1 Apr 2023	138	1	359	17	265	54	38	5
1 Jan 2023	160	1	353	21	254	55	34	4
1 Oct 2022	188	0	354	23	224	50	28	3
1 Jul 2022	205	3	360	19	210	52	27	3


Data pada 1 April 2024  
Sumber: SC Malaysia

Kami menyeru semua syarikat untuk bersama-sama memajukan agenda ini. Di MSWG, kami mengenal pasti perkara ini sebagai tema yang kritikal dan akan membangkitkan perkara itu dalam semua Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 450 PLC dalam liputan kami. Kami akan terus menyuarakan sokongan dan mendorong peningkatan wanita dalam lembaga pengarah, sekaligus menyasarkan landskap tadbir urus korporat yang lebih inklusif dan berkesan.

### Satu kes yang dimaksudkan: Mi Technovation Berhad

Tidak banyak PLC yang mengulas panjang tentang kepelbagaian jantina dalam organisasi mereka. Namun, berlainan pula dengan Mi Technovation Berhad (MiTech), sebuah syarikat penyedia penyelesaian peralatan semikonduktor terkemuka. Sewaktu AGM baru-baru ini, syarikat memberikan jawapan terperinci kepada soalan kami tentang kepelbagaian jantina di peringkat lembaga pengarah.

Menurut seorang pengarah bebas wanita dalam MiTech, Syarikat komited terhadap agenda kepelbagaian jantina. Sebagai contoh, 36% daripada tenaga kerja mereka di Malaysia terdiri daripada wanita, manakala di Taiwan, jumlahnya 37%, menurut Laporan Tahunan 2023. Jurang jantina adalah perkara biasa dalam sektor teknologi, yang kebanyakannya masih didominasi oleh lelaki. Namun begitu, menurut beliau, "Zaman sudah berubah".



Perwakilan wanita MiTech di peringkat lembaga berada pada tahap 25%. Walaupun demikian, syarikat telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam lembaganya. Inisiatif tersebut adalah:

### **1. Menjalankan semakan bebas**

Syarikat melibatkan pakar bebas untuk menyemak komposisi, kemahiran, pengalaman dan kecekapan ahli lembaga pengarah. Tindakan ini sejajar dengan Amalan 6.1 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021. Berdasarkan semakan yang dijalankan, pakar bebas mengesyorkan syarikat itu supaya mempertimbangkan calon berpotensi yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan sumber manusia (HR), teknologi maklumat (IT) atau Perbankan.

### **2. Pengambilan yang bersasar**

Dengan menggunakan sumber pihak ketiga, MiTech berusaha untuk merekrut pengarah wanita yang mempunyai kepakaran dalam bidang perbankan pelaburan dan pasaran modal ekuiti. Tindakan ini akan melengkapkan lagi gabungan tanggungjawab, kemahiran, pengalaman dan kecekapan Lembaga dan jawatankuasa yang sedia ada.

### **3. Penyertaan aktif dalam program jangkauan**

Pengarah bebas itu memberikan penerangan tentang program jangkauan yang disertainya pada tahun lepas. Beliau merupakan ahli jawatankuasa penganjur dan menjadi pengacara majlis untuk sebuah program wanita dalam lembaga, anjuran bersama Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (Penang Women's Development Corporation, PWDC).

Acara itu bertujuan untuk memberi inspirasi kepada wanita yang bersedia memegang jawatan dalam lembaga supaya tampil ke hadapan untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memajukan kerjaya mereka. Acara tersebut berjaya mengumpulkan 38 prospek.

Dengan inisiatif ini, MiTech menyasarkan untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam lembaga pengarah menjelang Jun 2025. MiTech menjangkakan kejayaan pelantikan pengarah wanita baharu akan membantu mereka mencapai 33% (3/9) perwakilan wanita dalam lembaga pengarah.

Namun begitu, MiTech tetap menekankan meritokrasi dan peluang yang sama apabila merekrut pengarah yang sesuai. Buat masa ini, mereka mengutamakan pelantikan calon yang mempunyai kepakaran dalam bidang perbankan pelaburan dan pasaran modal ekuiti, tanpa mengira jantina dan umur.

Kami mengucapkan syabas kepada MiTech kerana mengambil serius isu kepelbagaian jantina di peringkat lembaga.

Kesimpulannya, PLC perlu berusaha lebih gigih untuk memastikan komposisi kepelbagaian jantina bagi mewujudkan lembaga yang lebih inklusif dan seimbang. Kurangnya perwakilan wanita dalam lembaga pengarah bermaksud PLC terlepas peluang untuk mendapat manfaat daripada kumpulan bakat yang lebih luas. Disebabkan itu, PLC perlu bekerja secara aktif bagi meningkatkan metrik kepelbagaian jantina dalam syarikat dan di peringkat lembaga.

# Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 1 hingga 5 Julai 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
03.07.24 (Rabu) 10.30 pagi	Scanwolf Corporation Berhad (EGM)	<p>Scanwolf mencadangkan mempelbagaian ke dalam perniagaan pembinaan bagi meningkatkan prestasi kewangan Syarikat, berikutan prestasi yang kurang memberangsangkan daripada perniagaan Pembuatan dan Pembangunan Hartanah yang sedia ada.</p> <p>Syarikat mengalami kerugian sepanjang tiga tahun kewangan yang lalu, dengan kerugian bersih antara RM217,000 dan RM17.07 juta.</p> <p>Sehubungan itu, Lembaga Pengarah mengesyorkan supaya pemegang saham mengundi menyokong resolusi berkaitan Cadangan Pempelbagaian yang akan dibentangkan pada AGM yang akan datang.</p>
03.07.24 (Rabu) 11.00 pagi	Kim Loong Resources Berhad (AGM)	<p>Kim Loong merekodkan penurunan pendapatan sebanyak 20% kepada RM1.5 bilion pada tahun kewangan 2024, terutamanya disebabkan oleh penurunan 22% dalam harga purata minyak sawit mentah. Sementara itu, keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) menyusut 8% kepada RM232.28 juta. Peratus penurunan PBT yang lebih rendah berbanding peratus penurunan pendapatan disebabkan oleh pengeluaran buah tandan segar yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2024 serta peningkatan</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>dalam margin pemprosesan kilang. Pengeluaran buah tandan segar meningkat 15% kepada 329,597 tan metrik. Kim Loong menasaskan untuk mencapai sekurang-kurangnya 15% pertumbuhan dalam pengeluaran buah tandan segar pada tahun kewangan 2025.</p>
<p>03.07.24 (Rabu) 02.00 petang</p>	<p>Crescendo Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan berjaya merekodkan pendapatan setahun penuh yang lebih kukuh berjumlah RM341.3 juta, dengan menghasilkan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM56.7 juta berbanding pendapatan dan keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM215.7 juta dan RM24.5 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen satu peringkat berjumlah 18.0 sen bagi setiap saham biasa untuk tahun kewangan 2024.</p>
<p>04.07.24 (Khamis) 03.00 petang</p>	<p>Nexgram Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 31 Januari 2024, pendapatan Kumpulan melonjak sebanyak 169.28%, didorong oleh peningkatan ketara dalam segmen logistik dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Walaupun merekodkan pertumbuhan pendapatan yang ketara, Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM26.01 juta, terutamanya disebabkan oleh penghapusan aset tidak ketara, peningkatan susut nilai daripada pengubahsuaian serta kerugian rosot nilai ke atas muhibah daripada penyatuan.</p>
<p>05.07.24 (Jumaat) 10.30 pagi</p>	<p>Quality Concrete Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Quality Concrete mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM176 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding RM208.49 juta pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, Syarikat mencatatkan kerugian bersih yang lebih besar sebanyak RM11.23 juta,</p>

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		<p>berbanding RM2.24 juta kerana kedua-dua segmen Hartanah &amp; Pembinaan dan segmen Pembuatan mencatatkan kerugian pada tahun tersebut.</p> <p>Bahagian Pembinaan bertukar rugi apabila mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM7.3 juta, berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.9 juta pada tahun sebelumnya. Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan kos bahan binaan serta kenaikan kadar faedah. Bahagian itu juga membuat peruntukan untuk kerugian yang boleh dijangka sebanyak RM1.34 juta ke atas sebuah projek yang sedang dilaksanakan, yang dijangka menyebabkan kerugian apabila siap kelak.</p>
05.07.24 (Jumaat) 11.00 pagi	Hextar Capital Berhad (EGM)	<p>Syarikat bercadang untuk melaksanakan mempelbagaian terhadap perniagaan Kumpulan yang sedia ada bagi memasukkan perniagaan pembinaan dan pengurusan projek.</p> <p>Kumpulan kini terlibat dalam perniagaan pembuatan kabel gentian optik, penyelesaian infrastruktur rangkaian telekomunikasi serta penjanaan dan penghantaran kuasa.</p>



## Perkara Penting:

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
<p>Scanwolf Corporation Berhad (EGM)</p>	<p>Scanwolf mencadangkan untuk mempelbagaikan aktiviti perniagaan sedia ada bagi memasukkan pembinaan dan aktiviti berkaitan.</p> <p>Perniagaan Pembinaan akan diterajui oleh En. Eddy Seah, pengarah urusan Scanwolf, yang dilantik pada 16 April 2024. Beliau akan disokong oleh beberapa kakitangan pengurusan utama dalam penubuhan perniagaan Pembinaan.</p> <p>a) Seah juga memegang jawatan pengarah eksekutif Fixus Construction Sdn Bhd (Fixus), yang ditubuhkan oleh beliau pada 2015. Fixus terlibat dalam pembinaan dan penyelenggaraan bangunan dan infrastruktur.</p> <p>Sebagai Pengarah Eksekutif Fixus, En. Eddy Seah bertanggungjawab ke atas perancangan strategik dan hala tuju perniagaan syarikat. Beliau juga mengambil bahagian dalam rundingan kontrak, pemantauan kontrak dan kemajuan, bajet dan kawalan kualiti, kerja-kerja pembinaan dan infrastruktur serta operasi keseluruhan perniagaan pembinaan.</p> <p>Memandangkan peranan dan beban tugas eksekutif beliau dalam Fixus, bagaimanakah En. Eddy Seah dapat memberikan komitmen sepenuhnya untuk mengemudi perniagaan baharu, sekaligus mengubah prestasi kewangan Scanwolf? Apakah pandangan Jawatankuasa Pencalonan dari segi komitmen masa Pengarah Urusan Scanwolf ini? Berapakah pegangan saham En. Eddy Seah dalam Fixus?</p> <p>b) Penglibatan En. Eddy Seah dalam Fixus “mungkin menimbulkan potensi berlakunya situasi konflik kepentingan. Bagaimanapun, keadaan sedemikian dapat dikurangkan kerana ia merupakan strategi Scanwolf pada ketika ini (sebagai peserta baharu dalam industri pembinaan) bagi memberi tumpuan kepada kontrak pembinaan yang berskala lebih kecil (kira-kira RM15 juta untuk setiap projek yang dianugerahkan) yang mana Eddy Seah akan memastikan Fixus tidak mengambil bahagian” (Halaman 4, Pekeliling bertarikh 18 Jun 2024).</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>i. Scanwolf ialah kontraktor Gred G7 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (<i>Construction Industry Development Board, CIDB</i>), yang membenarkan Kumpulan memasuki tender kontrak untuk menjalankan projek pembinaan tanpa had nilai dan saiz.</p> <p>Mengapakah ambang RM15 juta ditetapkan untuk nilai kontrak yang ditender? Apakah prospek pembidaan untuk kontrak yang lebih besar? Apakah parameter yang digunakan bagi menentukan nilai maksimum untuk kontrak yang ditender?</p> <p>Katakan Scanwolf dan Fixus adalah serasi dan sama-sama layak untuk memasuki tender bagi sesuatu projek. Bagaimanakah En. Eddy Seah mengimbangi kepentingan pemegang saham minoriti Scanwolf dengan kepentingan peribadi beliau dalam Fixus?</p> <p>Kami bimbang bahawa strategi sedemikian akan mengehadkan prospek pembidaan Scanwolf untuk kerja-kerja yang lebih besar.</p> <p>ii. Apakah bidang kepakaran Scanwolf dan apakah skop kerja yang akan dilaksanakan pada masa hadapan?</p>
Kim Loong Resources Berhad (AGM)	<p>Sebagai sebahagian daripada rancangan Kumpulan untuk mencapai kemampanan jangka panjang dalam pengeluaran buah tandan segar, Kim Loong meneruskan aktiviti penanaman semula sejak 2023 dan menyasarkan untuk menanam semula kira-kira 1,000 hektar setahun pada tahun-tahun akan datang. (Halaman 23, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah jumlah kawasan yang akan ditanam semula pada tahun-tahun akan datang?</p> <p>b) Berapakah purata usia pokok sawit Kim Loong secara keseluruhan pada akhir tahun kewangan 2024? Berapakah jangkaan purata usia sebaik sahaja keseluruhan program penanaman semula ini selesai?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>c) Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2025 dan berikan pecahannya antara operasi perladangan dan pengilangan?</p>
<p>Crescendo Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Bahagian Pembuatan Kumpulan menyaksikan margin keuntungannya menyusut kepada 3.7% pada tahun kewangan 2024, berbanding 5.3% pada tahun kewangan 2023. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kos pengeluaran yang lebih tinggi.</p> <p>a) Sila jelaskan sebab di sebalik kos pengeluaran yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2024 dan namakan tiga komponen kos pengeluaran yang mencatatkan peningkatan pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023.</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan bagi mengurangkan kejatuhan selanjutnya dalam margin keuntungan pada masa hadapan?</p> <p>c) Adakah langkah-langkah ini berjaya meningkatkan margin keuntungan pada tahun kewangan 2025? Jika ya, berapakah peratus peningkatannya? Jika tidak, mengapa?</p>
<p>Nexgram Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 14 Ogos 2023, CIMB Bank Berhad menyampaikan surat tuntutan kepada Syarikat berhubung jaminan korporat yang diberikan kepada Nextnation Network Sdn Bhd (Liquidated), bekas anak syarikat Nexgram.</p> <p>Surat tuntutan tersebut menimbulkan liabiliti jaminan kewangan berjumlah RM265,869. (Halaman 160, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Dalam perkembangan berkaitan, Tri-G Technologies Sdn Bhd, anak syarikat 51% milik Syarikat juga telah disampaikan surat tuntutan pada 18 Ogos 2023 oleh Maybank Islamic Berhad. Jumlah baki pinjaman berjangka sebanyak RM1.6 juta telah diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa. (Halaman 156, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah langkah yang diambil untuk menangani dan mengurus obligasi kewangan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>b) Sila huraikan proses pengawasan dan tadbir urus yang sedia ada untuk memantau pematuhan dan kesihatan kewangan anak-anak syarikat.</p> <p>c) Melihat keadaan kewangan semasa, adakah Kumpulan membuat apa-apa keputusan atau pelarasan strategik dalam rancangan perniagaannya?</p> <p>d) Pendapat juruaudit bebas seperti yang dinyatakan di Halaman 62, Laporan Tahunan 2023:</p> <p>“Peristiwa dan keadaan di atas menunjukkan ketidakpastian material yang mungkin menimbulkan keraguan ketara terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha berterusan.”</p> <p>Keadaan kewangan semasa Syarikat, seperti yang ditunjukkan oleh surat tuntutan dan pendapat juruaudit bebas, nampaknya tidak berlaku secara tiba-tiba. Adakah tanggung jawab pembayaran ini telah dikenal pasti sebagai kebimbangan yang berpotensi pada peringkat awal lagi?</p>
Quality Concrete Holdings Berhad (AGM)	<p>1. Di bawah segmen Pembinaan dan Pembangunan Hartanah, bahagian Pembinaan mempunyai buku pesanan berjumlah RM120 juta untuk disiapkan dalam tempoh dua tahun akan datang. Kami mendapati bahawa saiz buku pesanan ini adalah yang paling rendah dalam tempoh tiga tahun lepas, berbanding RM205 juta pada tahun kewangan 2023 dan RM289 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Bahagian Pembinaan kekal sebagai penyumbang pendapatan terbesar kepada QCHB, dengan pendapatan sebanyak RM78.6 juta disumbangkan pada tahun kewangan 2024. Sebaliknya, bahagian itu bertukar rugi pada tahun kewangan 2024 dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM7.3 juta, berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.9 juta pada tahun kewangan sebelumnya (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024).</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>Kami bimbang tentang buku pesanan yang semakin berkurangan serta kemampuan bahagian itu dalam jangka panjang.</p> <p>a) Apakah saiz buku tender dan purata kadar kejayaan mendapatkan kerja? Berapakah kadar penambahan yang dijangka untuk tahun kewangan 2025? Sila kongsikan jenis projek yang berusaha direbut oleh QCHB berserta nilai kontraknya.</p> <p>b) Peningkatan kos bahan binaan serta kenaikan kadar faedah adalah faktor utama yang mengakibatkan kerugian sebelum cukai dalam bahagian Pembinaan. Sementara itu, QCHB juga telah membuat peruntukan untuk kerugian yang boleh dijangka berjumlah RM1.34 juta ke atas projek yang sedang berjalan, yang dijangka menyebabkan kerugian apabila siap kelak (Halaman 7 dan 68, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>i) Secara purata, berapakah kuantum kenaikan kos untuk bahan utama berbanding tahun sebelumnya?</p> <p>ii) Apakah nama projek yang dijangka menyebabkan kerugian apabila siap? Bilakah QCHB mendapat projek itu? Adakah QCHB mencuba untuk menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan mereka dan apakah hasilnya? Adakah QCHB menerapkan apa-apa peruntukan dalam kontrak perjanjian mereka yang membolehkan Syarikat menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan? Bagaimanakah Syarikat memastikan bahawa peruntukan yang serupa tidak berulang pada masa hadapan?</p> <p>2. Perkara Audit Utama (<i>Key Audit Matters</i>) (Halaman 132 dan 133, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>- Hartanah, loji dan peralatan (<i>property, plant and equipment, PPE</i>)</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p><b>Komen daripada juruaudit luar, KPMG PLT:</b> Nilai dibawa untuk aset bukan kewangan merangkumi 43% daripada jumlah aset pada 31 Januari 2024. Anak syarikat tertentu secara berterusan mengalami kerugian dan ini merupakan petunjuk bahawa aset asas bukan kewangan iaitu hartanah, loji dan peralatan, tanah yang dipegang untuk pembangunan hartanah dan hartanah pelaburan anak-anak syarikat tersebut mungkin dirosot nilai.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelaburan dalam anak syarikat</li> </ul> <p><b>Komen daripada juruaudit luar, KPMG PLT:</b> Pada 31 Januari 2024, nilai dibawa untuk pelaburan dalam anak syarikat berjumlah RM128.2 juta, mewakili 95% daripada jumlah asetnya. Anak-anak syarikat tertentu mengalami kerugian dan mencatatkan aliran tunai operasi negatif, yang menunjukkan bahawa mungkin terdapat rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak-anak syarikat ini.</p> <p>Punca utama kedua-dua Perkara Audit Utama ini ialah status syarikat subsidiari tertentu yang mengalami kerugian, yang meningkatkan risiko rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan dan pelaburan dalam anak syarikat jika jumlah dibawa untuk item ini melebihi jumlah boleh didapatkan semula. Ini boleh menjurus kepada kerugian rosot nilai serta pengurangan nilai aset dalam penyata pendapatan dan kunci kira-kira.</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan merancang untuk menangani kedua-dua Perkara Audit Utama di atas? Apakah strategi yang akan digunakan oleh QCHB untuk mengurus dan mengurangkan risiko ini? Sila komen tentang kemungkinan berlakunya rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan dan anak syarikat.</p>
Hextar Capital Berhad (EGM)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pada 16 Januari 2024, Sarawak Consolidated Industries Bhd (SCIB) menerima surat anugerah daripada Landasan Kapital (M) Sdn Bhd untuk melaksanakan kerja-kerja sivil, struktur, seni bina dan mekanikal. Projek ini melibatkan pembinaan asrama pelajar di</li> </ol>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting untuk Diketengahkan
	<p>Universiti Malaysia Kelantan yang terletak di Bachok, Kelantan. Pada 12 Mac 2024, SCIB dan Landasan Kapital telah bersetuju untuk menamatkan projek tersebut. SCIB memaklumkan bahawa syarikat sedang mengambil langkah yang perlu untuk melindungi kepentingannya dengan menguatkuasakan haknya di bawah kontrak. Ini adalah untuk mengurangkan risiko yang mungkin timbul daripada tapak projek yang belum disediakan, yang boleh menyebabkan kelewatan dalam pemilikan tapak, seterusnya memulakan skop kerjanya. Melihat garis masa projek yang padat dan kemungkinan lanjutan masa mungkin tidak diberikan oleh pemilik projek, kelewatan ini boleh memberi kesan yang ketara ke atas garis masa projek, yang menimbulkan risiko kerugian akibat kelewatan penyerahan.</p> <p>Apakah langkah yang diambil bagi memastikan Kumpulan berjaya mengurus dan menyiapkan projek pembinaan dalam tempoh masa yang diberikan oleh Landasan Kapital (M) Sdn Bhd?</p> <p>2. Memandangkan penglibatan HexCap dalam pelbagai segmen perniagaan seperti pembuatan, penyelesaian infrastruktur rangkaian telekomunikasi serta penjanaan dan penghantaran kuasa, bagaimanakah Syarikat mewajarkan keperluan untuk menambah lagi pempelbagaian? Bukankah lebih baik jika mereka menumpukan serta mengoptimumkan prestasi segmen perniagaan yang sedia ada?</p>

Pengumuman



**PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

**PENOLAKAN TUNTUTAN**

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.